

Headline	1.18 juta generasi muda daftar sebagai pendeposit Tabung Haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	351 cm <sup>2</sup>
Journalist	SITINORHAWA MOHD. ALI	AdValue	RM 7,001
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,003



ADI AZUAN ABDUL GHANI (tiga dari kanan) berbual dengan sebahagian penerima anugerah selepas Majlis Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

# 1.18 juta generasi muda daftar sebagai pendeposit Tabung Haji

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**  
 pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 15 Mei** - Lebih 1.18 juta generasi muda berumur tujuh hingga 17 tahun telah menjadi pendeposit Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan mendaftar sebagai ahli Kelab Tabung Haji (TaHa) sehingga 31 Disember 2015.

Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Adi Azuan Abdul Ghani berkata, perkara itu membuktikan sokongan berterusan para ibu bapa telah mendorong anak-anak mereka untuk mendaftar dan menjadi pendeposit Tabung Haji.

"Dengan pendaftaran sebanyak 1.18 juta ahli, kita lihat kesedaran ibu bapa mendaftarkan anak mereka untuk membuat persediaan simpanan bagi mengerjakan haji sangat tinggi.

"Saya ingin menyeru lebih ramai ibu bapa di luar sana untuk mendaftarkan anak-anak mereka

dengan segera supaya apabila sampai masa atau rasa terpanggil untuk mengerjakan haji, giliran menunggu tidaklah begitu lama," katanya kepada pemberita dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa 2015 di sini hari ini.

Daripada 500 permohonan, seramai 100 orang pelajar dari seluruh negara yang terdiri daripada 50 penerima kategori Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), 30 penerima kategori Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan 20 penerima kategori Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah terpilih menerima anugerah.

Dalam pada itu, Adi Azuan berkata, selain memupuk kecemerlangan pelajar, Kelab TaHa menggalakkan generasi muda menabung, berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah seawal usia persekolahan.

"Untuk memastikan pelajar-pelajar sentiasa berfikiran kreatif dan kritis, Kelab TaHa telah men-

ganjurkan pelbagai program seperti pelbagai seminar peperiksaan, kem ibadah dan kem bahasa Inggeris.

"Selain itu, mereka turut didedahkan dengan faedah menyimpan di Tabung Haji, yang membolehkan mereka mendaftar haji lebih awal apabila cukup had simpanan untuk membuat pendaftaran haji," katanya.

Tambah Adi Azuan, Tabung Haji turut menaja 135,000 naskhah akhbar kepada 84 buah sekolah di seluruh negara pada tahun ini bagi menyokong proses pendidikan menerusi alat bantu mengajar di dalam kelas

"Semua program yang dilaksanakan ini ditaja dan dibiayai sepenuhnya oleh Tabung Haji untuk ahli-ahli Kelab TaHa. Justeru, kita berharap semua ahli akan terus memberi sokongan dan mengambil bahagian di dalam aktiviti yang dianjurkan demi mencapai matlamat yang diharapkan," katanya